KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

**LAPORAN HARIAN**     **RABU, 8 OKTOBER 2025**



JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN TAGS




8/10/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 1 | **MINISTRY'S EMPATHY CAMPAIGN TO HELP THE EMOTIONALLY DISTRESSED** | | POSITIF |
| | https://www.nst.com.my/news/regional/2025/10/1289067/ministrys-empathy-campaign-help-emotionally-distressed | NST.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 2 | **JKM TAMBAH 20 PPS DI KELANTAN PERKUKUH KESIAPSIAGAAN BANJIR** | | POSITIF |
| | https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2475633 | BERNAMA.COM | |
| | https://thesun.my/malaysia-news/kelantan-jkm-boosts-flood-readiness-with-20-new-relief-centres-for-172400-victims-BA15047336 | THESUN.MY | |
| | https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2475684 | BERNAMA.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 3 | **WE2025 PERKASA USAHAWAN WANITA, JANA POTENSI PELABURAN RM100 JUTA** | | POSITIF |
| | https://www.utusan.com.my/ekonomi/2025/10/we2025-perkasa-usahawan-wanita-jana-potensi-pelaburan-rm100-juta/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2475627 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.bernama.com/en/news.php?id=2475626 | BERNAMA.COM | |

8/10/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 4 | **PENJENAYAH MATI LEPAS DUA KALI PERKOSA WANITA DALAM BILIK, TANDAS** | | **NEGATIF** |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/10/07/penjenayah-mati-lepas-dua-kali-perkosa-wanita-dalam-bilik-tandas/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1272729/lelaki-maut-selepas-rogol-samun-wanita-di-wangsa-maju | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/751387/berita/semasa/lelaki-maut-selepas-samun-dan-rogol-wanita | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/10/maut-selepas-ditahan-kes-menyamar-untuk-rogol-wanita/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/10/07/suspek-samun-rogol-maut-selepas-bergelut-dengan-polis-ketika-ditahan | FREEMALAYSIATODAY.COM | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/10/07/robbery-and-rape-suspect-dies-following-struggle-with-cops | THESTAR.COM.MY | |
| | https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2025/10/07/lelaki-rebah-depan-polis-lepas-dua-kali-rogol-wanita-dalam-tandas-bilik-kediaman | MSTAR.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 5 | **LELAKI DIDAKWA CABUL ANAK SAUDARA** | | **NEGATIF** |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1272724/lelaki-didakwa-cabul-anak-saudara | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/751292/berita/semasa/bapa-saudara-didakwa-cabul-kanak-kanak-11-tahun | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/10/juruelektrik-tidak-mengaku-amang-seksual-anak-saudara/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/juruelektrik-tidak-mengaku-cabul-anak-saudara-11-tahun-541730 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=CjTKOwgYHos | YOUTUBE | |

8/10/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 6 | **WADAR PENJARA DIJEL LIMA TAHUN LAKUKAN AMANG SEKSUAL TERHADAP ANAK TIRI** | | NEGATIF |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1455303/wadar-penjara-dijel-lima-tahun-lakukan-amang-seksual-terhadap-anak-tiri | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/751333/berita/semasa/warden-dipenjara-5-tahun-4-sebatan-lakukan-amang-seksual-kepada-anak-tiri | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1272559/laku-amang-seksual-bapa-tiri-dipenjara-5-tahun-4-sebatan | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/10/07/sentuh-anak-tiri-warden-penjara-dipenjara-lima-tahun/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/10/warden-penjara-dipenjara-lima-tahun-empat-sebatan-amang-seksual-anak-tiri/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/10/07/lelaki-amang-seksual-anak-tiri-dipenjara-5-tahun-4-sebatan | FREEMALAYSIATODAY.COM | |
| | https://www.bernama.com/bm/meta/news.php?id=2475612 | BERNAMA.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 7 | **BAPA, 2 ANAK LELAKI DIDAKWA AMANG SEKSUAL ANAK PEREMPUAN** | | NEGATIF |
| | https://www.buletintv3.my/mahkamah/bapa-2-anak-lelaki-didakwa-amang-seksual-anak-perempuan/ | BULETINTV3.MY | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1272658/bapa-2-anak-lelaki-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-anak-perempuan | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/751357/berita/semasa/bapa-dua-anak-lelaki-didakwa-amang-seksual-anak-perempuan | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1455418/tiga-beranak-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-anak-perempuan | BHARIAN.COM.MY | |




8/10/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 8 | **ROGOL ADIK IPAR HINGGA HAMIL, PENGAIT SAWIT DIJEL 16 TAHUN, 6 SEBATAN** | | NEGATIF |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1455336/rogol-adik-ipar-hingga-hamil-pengait-sawit-dijel-16-tahun-6-sebatan | BHARIAN.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 9 | **72-YEAR-OLD MAN BEGINS 24-YEAR SENTENCE AFTER LOSING TEEN RAPE APPEAL** | | NEGATIF |
| | https://thesun.my/malaysia-news/72-year-old-man-begins-24-year-sentence-after-losing-teen-rape-appeal-JA15047259 | THESUN.MY | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/10/07/crime-and-punishment-court-upholds-24-year-jail-term-and-caning-for-72-year-old-convicted-of-raping-teen-relative/193791 | MALAYMAIL.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 10 | **SARAWAK WOMAN JAILED 14 YEARS FOR ALLOWING DAUGHTER'S SEXUAL ABUSE, NEGLECTING SON** | | NEGATIF |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/10/07/sarawak-woman-jailed-14-years-for-allowing-daughters-sexual-abuse-neglecting-son/193815 | MALAYMAIL.COM | |

# Ministry's empathy campaign to help the emotionally distressed

By Hakim Mahari 10 hrs ago



Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri believes those three simple words can help change lives. FILE PIC

KUALA LUMPUR: "Sometimes, all it takes is one question — are you okay?"

Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri believes those three simple words can help change lives.

Her ministry's "Awak Okay Tak? Jom Kongsi" campaign encourages Malaysians to speak openly about their emotions and personal challenges, reminding everyone that empathy and care can go a long way.

Appearing on Malaysia Hari Ini (MHI), Nancy said the initiative was born from real stories of hardship that reach her ministry daily.

"Every day I receive messages — through WhatsApp and social media — about people who are struggling, some even taking their own lives or facing abuse.

"That's when I told my team we need to start something that gets people talking, especially the young," she said.

Nancy said the campaign covers more than just mental health awareness. It highlights the emotional, social and welfare pressures that often go unseen — from domestic violence and family disputes to loneliness and financial stress.

"Sometimes people don't realise emotional distress can come from many things. Through this campaign, we want them to know they are not alone, and that help is available."

She urged Malaysians to look out for one another and to replace the old belief of "jaga tepi kain orang" with genuine social concern.

"That mindset no longer applies. We need to look out for our neighbours, our friends and our families — because sometimes that one question, awak okay tak? opens the door for someone to share their struggles."

Nancy also reminded the public about the ministry's Talian Kasih (15999) hotline, which handles cases involving welfare assistance, domestic violence, child protection and counselling.

"We receive thousands of calls every month — from welfare aid and child abuse to domestic violence. Our officers connect each caller to the right support service."

Among other support systems, she highlighted the One-Stop Social Support Centre (PSSS), which provides confidential counselling and mobile outreach services, as well as the Anti-Sexual Harassment Tribunal, which offers victims quicker and more approachable access to justice.

"We want people to feel safe and to know there are trained counsellors ready to listen without judgment," she said.

Present to welcome Nancy were Media Prima Berhad group chairman Datuk Seri Dr Syed Hussian Aljunid, group managing director Datuk Rafiq Razali and Media Prima Omnia chief operating officer Datuk Mohd Efendi Omar.

Following her segment, Shah Alam mayor Datuk Mohd Fauzi Mohd Yatim joined MHI to speak about the 25th Jubilee of the Shah Alam City Council (MBSA), which will be celebrated on Oct 10, marking the city's establishment as Selangor's capital.

To commemorate the milestone, MBSA will offer special incentives for residents on the day — including free parking, free use of sports facilities, and compound reductions of up to 80 per cent for non-critical offences, as well as RM10 parking fines.

A celebratory event will be held that evening, featuring a Neon Run with 8,000 participants, a fireworks display, and performances by Datuk Jamal Abdillah, Ernie Zakri, Ara Johari and Haziq Rosebi.

Datuk Mohd Fauzi said MBSA would continue to deliver five-star local authority services, ensuring that Shah Alam expands sustainably across Elmina, Bukit Jelutong, Setia Alam and Denai Alam, while preserving its greenery and community spirit.

# JKM Tambah 20 PPS Di Kelantan Perkukuh Kesiapsiagaan Banjir

07/10/2025 03:19 PM




Timbalan Pengarah Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Kelantan, Md Yani Mat Zain (tengah) bergambar bersama sebahagian penerima sumbangan pada Program Memacu Kehidupan Deepavali 2025 di Dewan Pejabat Kesedar Wilayah Kuala Krai, hari ini.

KUALA KRAI, 7 Okt (Bernama) -- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kelantan akan menambah sebanyak 20 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) bagi persediaan menghadapi musim banjir di negeri ini tahun ini.

Timbalan Pengarah JKM Kelantan Md Yani Mat Zin berkata penambahan itu menjadikan keseluruhan 459 PPS disediakan di seluruh negeri sebagai langkah kesiapsiagaan menghadapi kemungkinan banjir luar jangka.

Beliau berkata pertambahan ini dibuat kerana ada kawasan yang mengalami banjir di luar jangkaan seperti yang berlaku tahun lalu.

"Jadi, kita mahu pastikan kemudahan mencukupi sekiranya situasi sama berulang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Memacu Kehidupan Deepavali 2025 di Dewan Pejabat KESEDAR Wilayah Timur di sini, hari ini.

Md Yani berkata berdasarkan keadaan cuaca semasa, terdapat kemungkinan banjir turut berlaku di kawasan yang sebelum ini tidak terjejas.

"Jika sebelum ini banjir lazimnya melanda Kuala Krai, Tanah Merah, Pasir Mas, Tumpat dan Kota Bharu, namun tahun ini kita turut memberi tumpuan kepada jajahan lain yang berpotensi mengalami bencana sama. Penambahan PPS ini adalah langkah awal bagi memastikan mangsa banjir dapat berpindah ke tempat yang lebih selamat dengan segera," katanya.

Beliau berkata seramai lebih 400 kakitangan JKM bersiap sedia untuk digerakkan bagi membantu mangsa terjejas di seluruh Kelantan.

"Setiap PPS akan menempatkan sembilan kakitangan kami, tidak termasuk sukarelawan dan tukang masak yang dilantik. Di peringkat jajahan pula, kita telah menubuhkan jawatankuasa khas yang dipengerusikan Ketua Jajahan masing-masing," katanya.

Md Yani berkata keseluruhan PPS yang disediakan itu mampu menampung sehingga 172,400 mangsa banjir di negeri ini.

Sementara itu, Pengurus Besar Petronas Wilayah Pantai Timur, Ahmad Shazly Ramli berkata Petronas melalui Yayasan Petronas menyalurkan sumbangan berjumlah RM340,000 kepada 1,700 keluarga India yang kurang berkemampuan di seluruh negara sempena sambutan Deepavali tahun ini.

Menurutnya, daripada jumlah itu, seramai 100 keluarga India di Kelantan menerima sumbangan bakul makanan yang mengandungi keperluan asas seperti beras dan minyak masak.

"Bantuan ini merupakan komitmen berterusan Yayasan Petronas untuk menceriakan sambutan perayaan masyarakat India di seluruh negara," katanya.

# WE2025 perkasa usahawan wanita, jana potensi pelaburan RM100 juta



JESSIE Tan (berdiri, tengah) bersama barisan penaja WE2025.

Oleh NURARIENAH SYAZWANY AHMAD PAUZI 7 Oktober 2025, 5:27 pm

KUALA LUMPUR: Sidang keusahawanan wanita terbesar di negara ini, WE2025: Future in Motion Women in Trade. Investment. Leadership, dijangka menarik penyertaan lebih 10,000 peserta serta menjana pelaburan mencecah RM100 juta.

Acara yang diterajui oleh Qube Integrated Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) serta disokong Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) itu akan berlangsung dari 25 hingga 27 November ini di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC).

Pengarah Urusan Qube Integrated Malaysia, Jessie Tan berkata, penganjuran WE2025 menghimpunkan pemimpin global, tokoh industri dan usahawan terkemuka dalam usaha memperkasa peranan wanita dalam perdagangan, pelaburan serta kepimpinan.

Menurutnya, WE2025 bukan sekadar persidangan, tetapi satu gerakan besar untuk memperkukuh kedudukan wanita dalam ekonomi negara dan serantau, malah menjadi antara platform pemerkasaan wanita terbesar pernah dianjurkan di Malaysia.

"Program ini menumpukan kepada penciptaan peluang, kerjasama rentas sempadan dan memperkukuh barisan kepimpinan masa depan, sekali gus menjadikannya acara penanda aras baharu bagi kepimpinan dan keusahawanan wanita.

"WE2025 bukan hanya untuk wanita dalam dunia perniagaan, tetapi turut meraikan kepelbagaian termasuk golongan lelaki dan komuniti kurang upaya. Matlamat kami ialah mewujudkan ekosistem yang inklusif dan menyokong semua pihak," katanya dalam sidang akhbar Previu Media bagi WE2025, di sini hari ini.

Tambah Jessie, kerjasama dengan Matrade akan membolehkan program padanan perniagaan antarabangsa dijalankan di seluruh ASEAN dengan pembiayaan sepenuhnya oleh sektor swasta, bagi membuka lebih banyak peluang pelaburan baharu serta memperkukuh kedudukan usahawan wanita di rantau ini.

Dalam majlis sama, Berjaya Food Berhad (BFood) turut diumumkan sebagai penaja korporat utama WE2025 yang disifatkan sebagai bukti komitmen sektor swasta terhadap agenda keterangkuman sosial dan pembangunan mampan.

Melalui penyertaan dalam WE2025, BFood meneruskan usaha memperjuangkan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dengan menyediakan peluang kerjaya kepada komuniti pekak dan memperkasa remaja perempuan daripada kumpulan B40 melalui hasil jualan beg kopi kitar semula.

Sementara itu, Pengarah Projek WE2025, Michelle Lau berkata, acara berkenaan menampilkan empat komponen utama iaitu Pameran Perdagangan dan Pelaburan, Persidangan Kepimpinan, WE in Dialogue dan WE in Exchange, selain 11 acara berprestij yang menampilkan 25 penceramah antarabangsa.

Beliau berkata, matlamat utama penganjuran itu ialah memastikan wanita bukan sekadar berasa berkuasa selepas menghadiri persidangan, tetapi benar-benar mampu menjadi ejen perubahan dalam kehidupan dan kerjaya masing-masing.

"Apabila wanita mempunyai keupayaan kewangan sendiri, mereka bukan sahaja mengubah kehidupan diri tetapi turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi keluarga dan negara. Wanita bukan sekadar angka atau kuota kita sudah berdikari dan berpendidikan, kini masanya untuk bekerjasama serta saling menghargai agar semua pihak benar-benar berdaya," katanya. – UTUSAN



Datuk Fadil Marsus.

# Penjenayah mati lepas dua kali perkosa wanita dalam bilik, tandas

Oleh MUHAMMAD NAJIEB AHMAD FUAD 7 Oktober 2025, 8:11 pm

KUALA LUMPUR – Seorang lelaki yang disyaki terlibat dalam kes samun dan rogol membabitkan empat wanita maut ketika cuba melarikan diri daripada polis di sebuah residensi di Wangsa Maju, semalam.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Fadil Marsus berkata, kejadian berlaku sekitar pukul 12.40 tengah hari apabila pihaknya menerima panggilan berhubung kejadian pecah rumah di kediaman berkenaan.

"Dua anggota polis bergegas ke lokasi dan cuba menghubungi penghuni rumah, namun tiada jawapan. Lima minit kemudian, seorang lelaki membuka pintu.

"Anggota memperkenalkan diri sebagai polis dan masuk ke rumah untuk membuat pemeriksaan. Suspek secara tiba-tiba mengeluarkan sebilah pisau pemotong daging dan cuba menetak anggota," katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurut Fadil, suspek berusia 26 tahun kemudian mengadu sesak nafas sebelum rebah di tempat kejadian.

"Pihak polis menghubungi ambulans dan suspek disahkan meninggal dunia ketika diperiksa petugas kesihatan," ujarnya.

Fadil berkata, bedah siasat yang dijalankan di Hospital Kuala Lumpur, hari ini mendapati punca kematian masih dalam siasatan dan tiada kecederaan fizikal ketara dikesan pada tubuh suspek.

Jelasnya, siasatan lanjut mendapati, ketika kejadian terdapat empat mangsa wanita tempatan berada di dalam rumah tersebut.

"Suspek menyamar sebagai penghantar barang untuk masuk ke rumah. Dia kemudian mengikat tangan kesemua mangsa dan mengurung tiga daripadanya di bilik utama.

"Seorang lagi mangsa dibawa ke bilik kedua dan dirogol sebanyak dua kali, masing-masing di dalam bilik dan tandas," jelasnya.

Fadil berkata, kesemua mangsa mengalami kecederaan ringan pada tangan, muka dan badan.

Katanya, semakan rekod lampau jenayah mendapati suspek mempunyai 10 rekod jenayah lampau berkaitan samun di Selangor dan Kuala Lumpur. – KOSMO! ONLINE

# Lelaki didakwa cabul anak saudara

Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
am@hmetro.com.my




JURUELEKTRIK didakwa atas pertuduhan amang seksual anak saudara berusia 11 tahun. FOTO Muhammad Zulsyamini Sufian Suri

Ipoh: Juruelektrik dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini hari ini atas tuduhan mencabul anak saudara perempuannya yang berusia 11 tahun.

Bapa kepada dua anak berusia 47 tahun itu bagaimanapun mengaku tidak bersalah sejurus pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Jean Sharmila Jesudason.

Lelaki itu dituduh melakukan amang seksual fizikal terhadap kanak-kanak itu di sebuah rumah di daerah Perak Tengah pada 8 pagi, 31 Ogos lalu dan didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang dibaca bersama Seksyen 16 akta sama.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nor Arfahanim Azureen Arfanuddin, manakala tertuduh diwakili peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), Muhammad Farhan Ahmad Fadzil.

Terdahulu, Nor Arfahanim menawarkan jaminan RM20,000 kepada tertuduh dan syarat tambahan tidak mendekati mangsa, namun Muhammad Farhan merayu jaminan lebih rendah mengambil kira anak guamnya penanggung tunggal keluarga dengan pendapatan RM1,800 sebulan.

"OKT juga menjaga ibu saudaranya yang lumpuh, manakala mangsa sudah lagi tidak tinggal bersama keluarga OKT," kata peguam.

Mahkamah kemudian menetapkan jaminan RM8,000 dengan seorang penjamin tempatan, serta syarat tertuduh perlu melapor diri di balai polis pada setiap bulan, tidak dibenar menghubungi, mengganggu, atau mendekati mangsa serta saksi pendakwaan lain sehingga kes selesai.

Kes disebut semula 11 November.

**Disiarkan pada: Oktober 7, 2025 @ 7:56pm**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WARDEN JAILED FOR SEXUAL ASSAULT OF STEPDAUGHTER | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE SUN |
| TARIKH | : | 8 OKTOBER 2025 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Warden jailed for sexual assault of stepdaughter

**KUALA TERENGGANU:** A prison warden was sentenced to five years' jail and four strokes of the cane by the Sessions Court here yesterday after he was found guilty of committing physical sexual assault against his 14-year-old stepdaughter.

Judge Mohd Zul Zakiqudin Zulkifli handed down the sentence on the 42-year-old after the defence failed to raise a reasonable doubt at the close of its case.

The court imposed a four-year prison term for the offence under Section 14(d) of the Sexual Offences Against Children Act 2017 and an additional one year and four strokes of the cane for a supplementary charge under Section 16(1) of the same Act.

The prison sentences are to run consecutively, effective from the date of conviction, with the accused placed under police supervision for two years after the completion of the term. – Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PRISON WARDEN JAILED 5 YEARS, ORDERED CANED FOR SEXUALLY ASSAULTING STEPDAUGHTER | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 8 OKTOBER 2025 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Prison warden jailed 5 years, ordered caned for sexually assaulting stepdaughter

**KUALA TERENGGANU:** A prison warden was sentenced to five years in prison and four strokes of the cane by the Sessions Court here yesterday, after he was found guilty of committing physical sexual assault against his 14-year-old stepdaughter.

Judge Mohd Zul Zakiqudin Zulkifli handed down the sentence on the 42-year-old man after the defence failed to raise a reasonable doubt at the close of its case.

The court imposed a four-year prison term for the offence under Section 14(d) of the Sexual Offences Against Children Act 2017 and an additional one year jail and four strokes of the cane for a supplementary charge under Section 16(1) of the same Act.

Both prison sentences are to run consecutively effective from the date of conviction, with the accused also ordered placed under police supervision for two years upon his release.

The accused committed physical sexual assault against the girl at a house in Chendering at 12.15am on July 19, 2023.

Deputy public prosecutor Nur Nabihah Hanim Ayimn appeared for the prosecution, while the accused was represented by counsel Che Muhammad Amir Che Musa.

A total of 12 witnesses testified during the trial—eight for the prosecution and four for the defence, including the accused himself. — Bernama

# Wadar penjara dijel lima tahun lakukan amang seksual terhadap anak tiri

Oleh Nazdy Harun - Oktober 7, 2025 @ 1:25pm



Foto hiasan

KUALA TERENGGANU: Seorang wadar penjara dihukum penjara lima tahun dan empat sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, hari ini selepas didapati bersalah melakukan amang seksual fizikal terhadap anak tirinya yang berusia 14 tahun, dua tahun lalu.

Tertuduh lelaki berusia 42 tahun itu dijatuhi hukuman berkenaan selepas pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap pertuduhan dihadapi.

Hakim Mohd Zul Zakiqudin Zulkifli dalam penghakimannya memerintahkan tertuduh menjalani hukuman penjara empat tahun bagi kesalahan di bawah Seksyen 14(d) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan penjara setahun serta empat sebatan bagi pertuduhan tambahan mengikut Seksyen 16(1) akta sama.

Kedua-dua hukuman itu diperintahkan berjalan secara berasingan bermula dari tarikh hukuman dijatuhkan hari ini.

Tertuduh juga akan berada di bawah pengawasan polis selama dua tahun selepas selesai menjalani hukuman penjara.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap anak tirinya di sebuah rumah di Taman Desa MBKT Permint Jaya, Chendering, kira-kira jam 12.15 tengah malam, 19 Julai 2023.

Kesalahan dilakukan ketika tertuduh mempunyai hubungan sebagai bapa tiri mangsa.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nur Nabihah Hanim Ayim manakala tertuduh diwakili peguam Che Muhammad Amir Che Musa.

Lapan saksi pendakwaan dan empat saksi pembelaan dipanggil sepanjang perbicaraan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BAPA, DUA ANAK DIDAKWA LAKUKAN AMANG SEKSUAL 2 ANAK PEREMPUAN | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 8 OKTOBER 2025 | M/SURAT | : | 17 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Bapa, dua anak didakwa lakukan amang seksual 2 anak perempuan

**Kota Bharu:** Bapa dan dua anak lelaki didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, atas tuduhan melakukan amang seksual terhadap dua anak perempuannya, di Pasir Puteh pada tahun lalu hingga September lalu.

Tertuduh berusia 65 tahun dan dua anaknya berusia 24 dan 33 tahun dituduh secara berasingan bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan ketika pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Zulkifli Abllah.

Warga emas itu mendakwa dua pertuduhan, manakala dua anaknya masing-masing didakwa satu pertuduhan.

Mengikut pertuduhan membabitkan bapa, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap dua anak perempuannya yang kini berusia 12 tahun dan 16 tahun di ruang tamu di sebuah rumah di Pasir Puteh sekitar jam 2 hingga 3 petang pada Julai 2025.

Bagi pertuduhan membabitkan dua beradik pula, mereka masing-masing didakwa melakukan amang seksual terhadap mangsa yang sama iaitu adik perempuannya yang kini berusia 16 tahun.




*Warga emas dibawa ke Mahkamah Sesyen Kota Bharu, semalam.* (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Perbuatan itu dilakukan di ruang tamu sebuah rumah di Pasir Puteh pada pertengahan tahun lalu dan 19 September lalu antara jam 12.15 tengah malam dan 12.30 tengah malam.

Semua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14 Akta 792 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan juga sebat.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Siti Hajar Mazlan, manakala tertuduh diwakili peguam, Nik Mohamad Naqib Mohamad Noor.

Terdahulu, Siti Hajar tidak menawarkan sebarang jaminan memandangkan kes berkenaan tidak boleh dijamin.

Mahkamah kemudiannya menetapkan 6 November ini sebagai sebutan semula kes.

# Bapa, 2 anak lelaki didakwa amang seksual anak perempuan

07 Oktober 2025, 5:07pm




*Warga emas didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini atas pertuduhan melakukan amang seksual terhadap anak perempuannya di Pasir Puteh. Foto NSTP*

**Oleh: Nor Fazlina Abdul Rahim**

**KOTA BHARU**: Seorang warga emas bersama dua anak lelakinya dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas pertuduhan melakukan amang seksual terhadap dua anak perempuannya di Pasir Puteh, antara tahun lalu hingga September lalu.

Ketiga-tiga tertuduh bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan memohon untuk dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Zulkifli Abdullah.

Bapa mangsa yang berusia 65 tahun menghadapi dua pertuduhan atas dakwaan melakukan amang seksual fizikal terhadap dua anak perempuannya yang kini berusia 12 dan 16 tahun di ruang tamu sebuah rumah di Pasir Puteh, sekitar jam 2 hingga 3 petang, pada Julai lalu.

Manakala, dua anak lelaki masing-masing berusia 24 dan 33 tahun berdepan satu pertuduhan atas kesalahan melakukan perbuatan sama terhadap adik perempuan mereka yang berusia 16 tahun, dalam kejadian berasingan di lokasi sama, pada pertengahan tahun lalu dan 19 September lalu, antara jam 12.15 tengah malam hingga 12.30 tengah malam.

Semua pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 14 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792), yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun serta sebatan, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya, Siti Hajar Mazlan tidak menawarkan jaminan terhadap semua tertuduh kerana kes ini tidak boleh dijamin, manakala ketiga-tiga tertuduh diwakili peguam bela, Nik Mohamad Naqib Mohamad Noor.

Mahkamah menetapkan 6 November depan sebagai tarikh sebutan semula kes.

# Rogol adik ipar hingga hamil, pengait sawit dijel 16 tahun, 6 sebatan

Oleh Alias Abd Rani - Oktober 7, 2025 @ 2:02pm



Pengait sawit dipenjara 16 tahun dan enam sebatan kerana merogol adik ipar hingga hamil enam bulan. - Foto Alias Abd Rani

MUAR: Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini, menjatuhkan hukuman penjara 16 tahun dan enam sebatan terhadap seorang pengait sawit yang mengaku bersalah merogol adik ipar perempuan sejak awal tahun ini hingga hamil enam bulan.

Hakim Mohd Khairi Haron membuat keputusan itu selepas mengambil kira pengakuan bersalah dibuat tertuduh berusia 39 tahun yang berhadapan dua pertuduhan dan rayuan dikemukakan.

Pada prosiding itu, mahkamah menjatuhkan hukuman penjara lapan tahun dan tiga sebatan untuk setiap pertuduhan. Namun mahkamah memutuskan hukuman penjara berjalan serentak.

Selain itu, mahkamah memerintahkan tertuduh menjalani kaunseling selama setahun serta pengawasan polis dua tahun sebaik selesai hukuman selari dengan Seksyen 26 dan 27 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017.

Mengikut pertuduhan pertama, bapa kepada dua anak itu didakwa merogol adik iparnya berusia 13 tahun di sebuah rumah di Kluang, pada jam 1 pagi, Mac lalu.

Bagi pertuduhan kedua, dia sekali lagi didakwa melakukan perkara itu terhadap mangsa sama di rumah berlainan pada jam 12. 01 tengah malam, 31 Ogos lalu.

Oleh itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan bagi setiap pertuduhan dikenakan terhadapnya.

Pada prosiding itu, pihak pendakwaan diketuai Timbalan Pendakwa Raya, Diyana Najihah Muhamed Fauzi manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Berdasarkan fakta kes, polis menerima laporan daripada pengadu yang juga mangsa memaklumkan dia telah dirogol abang iparnya selepas menceritakan kejadian berlaku kepada ibunya.

Hasil siasatan polis mendapati, kejadian berlaku di dua rumah berlainan. Mangsa memberitahu dirogol abang ipar beberapa kali.

Malah, tertuduh turut mengugut mangsa tidak menceritakan kepada sesiapa selepas kejadian itu. Mangsa yang ketakutan hanya berdiam diri.

Susulan laporan itu, polis menahan tertuduh pada hari sama laporan dibuat iaitu 24 September bagi membantu siasatan.

# 72-year-old man begins 24-year sentence after losing teen rape appeal

theSun Local

2025-10-07 05:34 PM



**PUTRAJAYA:** A 72-year-old man began serving a 24-year prison sentence today after the Court of Appeal dismissed his bid to overturn his conviction for raping a 14-year-old girl in 2019.

A three-judge panel unanimously upheld the earlier Sessions Court conviction and sentence, which included five strokes of the cane.

Justice Datuk Mohamed Zaini Mazlan, who presided alongside Justice Datuk Noorin Badaruddin and Justice Datuk Hayatul Akmal Abdul Aziz, stated that the Sessions Court's factual findings were based on prosecution witness testimonies.

"We find the sentence imposed by the High Court to be appropriate," said Justice Mohamed Zaini.

"The appeal is therefore dismissed, and the decision of the High Court is upheld."

The court issued a warrant of committal, compelling the man to begin his prison sentence immediately.

He had previously been released on RM15,000 bail with one surety pending the outcome of his appeal.

While Section 289 of the Criminal Procedure Code generally prohibits caning men over 50, an exception is made for sexual offences.

The appellant, a former security guard at an oil palm plantation, faced three counts of raping the girl at a house in Besut, Terengganu, in March and June 2019.

The man's wife and the victim's mother are cousins.

Justice Mohamed Zaini stated that the appellant's alibi defence had been carefully analysed by the Sessions Court judge.

The appellate court was satisfied that no significant error had been made to warrant its intervention.

The case has a complex procedural history spanning multiple court hearings and appeals.

Initially, the Sessions Court acquitted and discharged him on the first two charges without calling for his defence.

The prosecution successfully appealed, resulting in the High Court ordering the appellant to enter his defence.

On October 16, 2022, he was convicted on the third charge and sentenced to 12 years in prison and three strokes of the cane.

On June 25, 2023, he was also found guilty on the first two charges, receiving a sentence of 12 years and one stroke of the cane for each charge.

This led to a cumulative sentence of 36 years and five strokes of the cane.

On August 10, 2023, the High Court upheld his conviction and sentence for the third charge.

Later, on December 13 the same year, the High Court partially allowed his appeal regarding sentencing for the first two charges.

The court ordered the sentence for the first charge to run concurrently with the third, reducing his total sentence to 24 years in prison and five strokes of the cane.

Deputy public prosecutor How May Ling appeared for the prosecution during today's hearing.

The appellant was represented by counsel Datuk Sukri Mohamed and Melissa Sukri. – Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | IBU TUNGGAL BIAR ANAK DIROGOL TEMAN LELAKI DIPENJARA LAPAN TAHUN | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 8 OKTOBER 2025 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Ibu tunggal biar anak dirogol teman lelaki dipenjara lapan tahun

**SIBU:** Seorang ibu tunggal yang membiarkan anak kandungnya dirogol oleh teman lelakinya, dijatuhi hukuman penjara lapan tahun oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Tertuduh yang berusia 32 tahun itu turut dijatuhi hukuman penjara enam tahun atas kesalahan mengabaikan seorang lagi anaknya sehingga mangsa mengalami penderitaan emosi.

Hakim Musyiri Peet mengarahkan tertuduh menjalani hukuman penjara itu secara berasingan, bermula dari tarikh sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan pindaan pertama, tertuduh sebagai penjaga sah didakwa membiarkan anaknya yang berusia 12 tahun itu didera secara seksual antara Januari 2024 hingga Julai 2025 di sebuah rumah sewa di Jalan Poh Yew.

Sementara bagi pertuduhan pindaan kedua, tertuduh sebagai penjaga sah didakwa mengabaikan anak kandungnya yang berusia tujuh tahun antara Januari 2018 hingga Disember 2025 di rumah sewa di Jalan Lai Chee.

Bagi kedua-dua pertuduhan ini, tertuduh telah melakukan kesalahan yang dihukum di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001, sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih RM50,000 atau penjara tidak lebih 20 tahun atau kedua-duanya sekali.

Berdasarkan fakta kes, pada 17 Ogos 2025 kira-kira jam 5.30 petang, pengadu diberitahu oleh seorang kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun bahawa dia telah dirogol oleh teman lelaki ibunya.

Pengadu kemudian membuat laporan polis dan pada 19 Ogos 2025, kira-kira jam 12.05 tengah malam, pihak polis telah menahan seorang wanita di sebuah rumah sewa di Jalan Lai Chee.

Siasatan yang dijalankan mendapati kejadian rogol itu berlaku pada 2024, di mana tertuduh telah meminta mangsa masuk ke dalam bilik sebelum menyekat pintu bilik bagi membolehkan teman lelakinya merogol mangsa.

Di samping itu, tertuduh juga didapati telah mengabaikan seorang lagi anaknya yang berusia tujuh tahun apabila gagal menghantar anak itu ke sekolah, selain gagal mendaftarkan kelahirannya di Jabatan Pendaftaran Negara.

Pendakwaan kes dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Cynthia Emmelda Jerry manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WOMAN JAILED 14 YEARS FOR ALLOWING DAUGHTER'S SEXUAL ABUSE, NEGLECTING SON | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 8 OKTOBER 2025 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Woman jailed 14 years for allowing daughter's sexual abuse, neglecting son

**SIBU:** A 32-year-old woman from Bintangor was sentenced yesterday to a total of 14 years in jail by the Sessions Court here for allowing her biological daughter to be sexually abused and for neglecting her son.

The accused pleaded guilty before Judge Musyiri Peet to two amended charges under the Child Act 2001.

For the first amended charge under Section 31(1)(b) of the Act, she was sentenced to eight years' imprisonment, with the sentence to run from the date of conviction.

For the second amended charge under Section 31(1)(a) of the same Act, she received a six-year sentence, to run consecutively after the completion of the first.

According to the charge sheet, the woman had between January 2024 and July 2025, permitted her 12-year-old daughter to be sexually abused at a rented house here.

For the second charge, she was accused of neglecting her seven-year-old son between January 2018 and July 2025 at a rental house in another location here, in a manner that was likely to cause him emotional injury.

Based on the facts of the case, on Aug 17 this year at about 5.30pm, the complainant was informed by the 12-year-old victim that she had been raped by her mother's boyfriend.

A police report was lodged which led to the accused being arrested on Aug 19.

Investigations revealed that the rape occurred in 2024 when the accused allegedly asked the victim to enter a room and blocked the door to allow her boyfriend to commit the act.

A medical examination found old tears on the victim's hymen.

Investigation also revealed that the accused had neglected her seven-year-old son by failing to register his birth and not sending him to school.

Deputy public prosecutor Cynthia Emmelda Jerry prosecuted the case, while the accused was unrepresented.

# Sarawak woman jailed 14 years for allowing daughter's sexual abuse, neglecting son



The accused pleaded guilty before Judge Musyiri Peet to two amended charges under the Child Act 2001. — TODAY file pic

*Tuesday, 07 Oct 2025 6:28 PM MYT*

SIBU, Oct 7 — A 32-year-old woman from Bintangor was sentenced to a total of 14 years in jail by the Sessions Court here today for allowing her biological daughter to be sexually abused and for neglecting her son.

The accused pleaded guilty before Judge Musyiri Peet to two amended charges under the Child Act 2001.

For the first amended charge under Section 31(1)(b) of the Act, she was sentenced to eight years' imprisonment, with the sentence to run from the date of conviction.

For the second amended charge under Section 31(1)(a) of the same Act, she received a six-year sentence to run consecutively after the completion of the first.

According to the charge sheet, the woman had, between January 2024 and July 2025, at a rented house here, permitted her 12-year-old daughter to be sexually abused.

For the second charge, she was accused of neglecting her seven-year-old son between January 2018 and December 2023 at a rental house in another location here in a manner that was likely to cause him emotional injury.

Based on the facts of the case, on August 17 this year at about 5.30pm, the complainant was informed by the 12-year-old victim that she had been raped by her mother's boyfriend.

A police report was lodged which led to the accused being arrested on Aug 19.

Investigations revealed that the rape incident occurred in 2024 when the accused allegedly asked the victim to enter a room and blocked the door to allow her boyfriend to commit the act.

A medical examination found old tears on the victim's hymen.

Investigation also revealed that the accused had neglected her seven-year-old son by failing to register his birth and not sending him to school.

Deputy Public Prosecutor Cynthia Emmelda Jerry prosecuted the case while the accused was unrepresented in court. — The Borneo Post

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BURUH ROGOL ANAK TIRI DIPENJARA 26 TAHUN, DISEBAT 10 KALI | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 8 OKTOBER 2025 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Buruh rogol anak tiri dipenjara 26 tahun, disebat 10 kali

**SIBU:** Mahkamah Sesyen di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara 26 tahun berserta 10 sebatan ke atas seorang buruh setelah disabitkan bersalah atas dua pertuduhan merogol anak tirinya pada Jun lepas.

Hakim Musyiri Peet terdahulu mengenakan hukuman penjara 13 tahun dan lima sebatan terhadap tertuduh, 31, bagi setiap pertuduhan di bawah Seksyen 376B Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 16, Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Tertuduh diperintah menjalani hukuman penjara itu secara berasingan di mana hukuman penjara bermula setelah tertuduh tamat menjalani hukuman penjara 30 tahun yang dijatuhkan Mahkamah Sesyen pada 3 September lepas atas dua lagi pensabitan merogol mangsa yang sama.

Pada 3 September lepas, tertuduh dijatuhi hukuman penjara 30 tahun berserta 14 sebatan atas dua pensabitan merogol anak tirinya oleh Hakim Stella Augustine Druce, yang mengenakan hukuman penjara 13 tahun dan lima sebatan bagi setiap pertuduhan di bawah Seksyen 376B Kanun Keseksaan.

Sebagai tambahan mengikut Seksyen 16, Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, tertuduh turut dikenakan hukuman penjara dua tahun berserta dua sebatan bagi setiap pertuduhan.

Mengikut pertuduhan pindaan yang dibaca semalam, tertuduh didakwa atas tuduhan melakukan hubungan seks dengan anak tirinya yang berusia 16 tahun satu bulan pada 1 Jun 2025, antara jam 6 petang hingga 11.59 malam di rumah panjang di Kanowit, di mana hubungan seks itu adalah dilarang kerana pertaliannya dengan mangsa.

Sementara bagi pertuduhan tambahan yang dikenakan, dia didakwa melakukan kesalahan sama terhadap mangsa pada 14 Jun 2025, antara jam 6 petang hingga 11.59 malam di tempat yang sama.

Berdasarkan fakta kes, pada 9 Julai 2025, kira-kira jam 12 tengah hari, pengadu iaitu mangsa bersama adik perempuannya bertindak melarikan diri dari rumah panjang mereka kerana tidak sanggup terus dirogol tertuduh sejak berusia 11 tahun.

Pada 20 Ogos 2025, pengadu telah dibawa ayah kandungnya ke hospital kerana mengadu sakit perut sebelum disahkan oleh doktor mengandung enam bulan.

Bertindak atas maklumat, pihak polis telah menahan seorang lelaki dan seorang wanita bagi membantu siasatan.

Siasatan yang dijalankan mendapati mangsa telah dirogol tertuduh sejak berusia 11 tahun pada 2021.

Siasatan juga mendapati tertuduh merogol mangsa buat kali pertama pada Januari 2020 ketika mangsa sedang tidur di dalam biliknya.

Kejadian terbaru tertuduh merogol mangsa adalah pada 1 dan 14 Jun 2025.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Cynthia Emmelda Jerry sementara tertuduh tidak diwakili.